

FREEDERM LOTION

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Terbinafine Hydrochloride (1%w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Freederm Lotion
2. Bagaimana Freederm Lotion berfungsi
3. Sebelum mengambil Freederm Lotion
4. Cara mengambil Freederm Lotion
5. Semasa mengambil Freederm Lotion
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Freederm Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Freederm Lotion

Freederm Lotion digunakan untuk merawat jangkitan fungus pada kulit termasuk kurap air, tinea krunis, kurap, panau dan jangkitan fungus pada celah kuku.

Bagaimana Freederm Lotion berfungsi

Freederm Lotion mempunyai aktiviti antikulat spektrum luas. Terbinafine berfungsi dengan menghalang pembentukan bahan yang diperlukan oleh pertumbuhan dan tumbesaran kulat seterusnya menyebabkan kelemahan dan kematian kulat

Sebelum mengambil Freederm Lotion

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil jika anda alah kepada Terbinafine HCl atau mana-mana bahan-bahan lain dalam produk ini.

- Sebelum mula menggunakan

Untuk kegunaan luar sahaja.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan jika anda mengandung atau menyusui.

- Jika mengambil ubat- ubatan lain

Terbinafine tidak menjelaskan aktiviti ubat lain.

Cara mengambil Freederm Lotion

- Berapa banyak harus digunakan

Bersih dan keringkan kawasan yang dijangkiti dengan teliti dengan air suam sebelum permohonan. Sapukan lapisan nipis ke kawasan yang dijangkiti dan persekitarannya sekali sehari. Gosokkan perlahan-lahan. Rawatan boleh diulang jika perlu.

- Bila perlu digunakan

Gunakannya ketika perlu.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan adalah satu hingga dua minggu. Untuk mengelakkan jangkitan berulang, teruskan rawatan pada kawasan tertentu selama satu hingga dua minggu selepas tanda-tanda atau gejala jangkitan telah hilang.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa gunakan Freederm Lotion, gunakannya apabila anda teringat.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Overdos tidak mungkin berlaku. Sekiranya termakan secara tidak sengaja, orang yang terlibat perlu diantar ke hospital yang terdekat untuk mendapatkan nasihat perubatan.

Semasa mengambil Freederm Lotion

- Perkara yang perlu dilakukan

Periksa dengan doktor anda jika simptom berlarutan atau bertambah teruk.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Freederm Lotion untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan sentuhan dengan mata, hidung dan mulut. Tidak boleh diambil.

Kesan Sampingan

Kadang-kadang gatal atau kemerahan mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Freederm Lotion

- Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

- Pelupusan

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Freederm Lotion ialah losyen seperti gel yang berwarna putih ke seumpama putih.

- Bahan-bahan

Bahan-bahan aktif
Terbinafine HCl 1%w/v

Bahan-bahan tidak aktif
Butylated Hydroxytoluene, Polysorbate 80, Isopropyl Alcohol, Benzyl Alcohol, Menthol, Isoprop Myristate, Purified Water, NAOH 1M, N-methyl-2-pyrrolidine, Carbomer 940, Hydrogenated Polyisobutene.

- Nombor MAL:

MAL07125186X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn Bhd

1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3, Taman I.K.S. Bukit Minyak, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

9/03/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)220218/00057